



DASAR DAN PROSEDUR MENINGGALKAN PERKHIDMATAN DENGAN MPOB

TUJUAN

1. Dokumen ini bertujuan memaklumkan dasar serta prosedur meninggalkan perkhidmatan dengan MPOB kerana persaraan, meletak jawatan, pelepasan jawatan dan ditamatkan perkhidmatan oleh MPOB.

DEFINISI

2. Definisi di dalam dokumen:

“**anggota**” bermaksud seseorang anggota yang dilantik secara tetap, tetap atau kontrak oleh MPOB.

“**CRAR**” bermaksud *Comprehensive Research Achievement Report*.

“**emolumen**” bermaksud segala saraan dalam bentuk wang yang kena dibayar kepada seseorang anggota termasuklah gaji pokok, imbuhan tetap, bayaran insentif dan elaun bulanan lain.

“**formulasi**” rumusan bahan-bahan mengikut nisbah formula dan kaedah serta proses yang betul berdasarkan piawai untuk sesuatu produk.

“**jawatan tetap**” bermaksud jawatan tetap yang berpencen/KWSP sebagaimana yang di dalam Surat Kelulusan Perjawatan (SKP) yang diluluskan oleh JPA.

“**jawatan sementara**” bermaksud jawatan yang diwujudkan hanya untuk melaksanakan sesuatu tugas yang tidak berlanjutan.

“**jawatan kontrak**” bermaksud jawatan yang diwujudkan untuk melaksanakan tugas dalam tempoh tertentu, meliputi lantikan Contract of Service (CoS) dan Contract for Service (CfS). CoS mengguna pakai skim perkhidmatan, gred dan kadar gaji sebagaimana yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. CfS tidak mengguna pakai sebarang skim perkhidmatan, gred jawatan dan kadar gaji sebagaimana yang ditetapkan oleh JPA.

“**Ketua Jabatan**” bermaksud Ketua Unit, Ketua Stesen, Ketua Pejabat dan Pengarah Bahagian.

“**notis peletakan jawatan**” bermaksud pernyataan **rasmi secara bertulis** oleh anggota mengenai hasratnya untuk meletak jawatan;

“**persaraan wajib**” bermaksud persaraan wajib kerana mencapai umur 55 tahun, 56 tahun, 58 tahun atau 60 tahun .

“**persaraan pilihan**” bermaksud persaraan atas pilihan sendiri setelah mencapai umur 40 tahun dan ke atas.

“**persaraan atas sebab kesihatan**” bermaksud persaraan setelah diperakukan oleh Lembaga Perubatan bahawa anggota tidak berupaya menjalankan kewajipan jawatannya disebabkan oleh kelemahan akal atau tubuh yang mungkin menjadi kekal

“**peletakan jawatan**” bermaksud pemakluman untuk berhenti berkhidmat daripada MPOB **dengan mengemukakan** notis peletakan jawatan kepada Ketua Jabatan kerana anggota tidak lagi berhasrat untuk meneruskan perkhidmatannya dengan MPOB.

“**pemendekan notis**” bermaksud tempoh notis peletakan jawatan/ pelepasan jawatan pegawai dipendekkan dari tempoh notis sebenar yang ditetapkan dengan kelulusan Ketua Pengarah.

“**penamatan perkhidmatan kontrak**” anggota bertaraf kontrak yang ditamatkan perkhidmatan atas sebab tertentu.

“**pelepasan jawatan**” bermaksud pemakluman secara rasmi (bertulis) oleh anggota bertaraf tetap/sementara kepada Ketua Jabatan mengenai hasratnya untuk meninggalkan jawatan yang sedang disandang untuk dilantik ke Perkhidmatan Awam, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“**Perkhidmatan Awam**” bermaksud perkhidmatan awam Persekutuan iaitu, perkhidmatan kehakiman dan perundangan, perkhidmatan awam am persekutuan, pasukan polis dan perkhidmatan pelajaran **menurut Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan**;

“**perkhidmatan Kerajaan**” bermaksud perkhidmatan awam Negeri, pihak berkuasa berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan pihak berkuasa tempatan;

“**RNB**” bermaksud *Research Notes Book*.

“**serahan tugas**” bermaksud penyerahan semula tugas secara rasmi kepada Ketua Jabatan yang mengandungi maklumat tugas yang dilaksanakan oleh seseorang anggota dan status terkini tugas tersebut bagi memudahkan penyambungan tugas dilaksanakan oleh anggota yang lain.

“**SOP**” bermaksud *Standard Operating Procedur* (Prosedur Operasi Standard).

“**viva**” peperiksaan lisan berkaitan dengan penyelidikan.

“**1 bulan/3 bulan/6 bulan notis**” bermaksud tempoh pernyataan rasmi secara bertulis oleh anggota kepada majikan (pihak pengurusan MPOB) bagi maksud perletakan/pelepasan jawatan atau tempoh pernyataan rasmi secara bertulis oleh pihak pengurusan bagi tujuan penamatan atau pemakluman tindakan yang perlu dilaksanakan oleh bakal pesara.

LATAR BELAKANG

3. Anggota yang mencapai umur persaraan wajib dan anggota yang memilih untuk pilihan iatu bersara awal daripada umur persaraan wajib diberi notis awal persaraan oleh Ketua Unit Sumber Manusia bagi memaklumkan tindakan yang perlu dilakukan oleh bakal pesara sebelum tarikh persaraan. Notis awal bagi bakal pesara atas sebab kesihatan pula dikeluarkan sebaik sahaja keputusan Lembaga Perubatan diterima oleh Unit Sumber Manusia.
4. Peraturan dan tatacara mengenai peletakan jawatan, pemendekan notis meninggalkan perkhidmatan dan pelepasan jawatan telah dinyatakan di dalam surat tawaran perjawatan dengan MPOB.
5. Notis penamatan kontrak diberikan kepada anggota berprestasi rendah iaitu gagal melaksanakan tugas mengikut ketetapan oleh pihak pengurusan MPOB/tidak mencapai KPI (*Key Performance Indicator*) atau anggota yang mempunyai masalah disiplin/integriti.
6. Anggota yang meninggalkan perkhidmatan dengan MPOB perlulah mematuhi prosedur meninggalkan perkhidmatan supaya hutang-piutang (sekiranya ada) dapat diselesaikan dan tugas yang ditinggalkan dapat disambung oleh penyandang yang baharu serta maklumat penting perkhidmatan dan R&D dapat dikumpulkan untuk rujukan atau jika terdapat pertikaian pada masa hadapan.

DASAR DAN PROSEDUR

Dasar Persaraan

7. Dasar persaraan wajib, persaraan pilihan dan persaraan atas sebab kesihatan adalah seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan berdasarkan Akta 239 (Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980), pekeliling dan apa jua punca kuasa semasa yang berkuatkuasa.
8. Anggota yang ingin bersara pilihan hendaklah mengemukakan notis kepada Ketua Unit Sumber Manusia melalui Ketua Jabatan, enam bulan sebelum tarikh persaraan pilihan.

Prosedur Meninggalkan Perkhidmatan Atas Sebab Persaraan

9. Ketua Unit Sumber Manusia hendaklah mengambil tindakan kepada bakal pesara seperti berikut:
 - (i) mengeluarkan notis awal iaitu **enam bulan** sebelum tarikh akhir perkhidmatan kepada anggota yang akan bersara wajib dan bersara pilihan;
 - (ii) notis awal bagi pesara atas sebab kesihatan pula hendaklah dikeluarkan sebaik sahaja keputusan Lembaga Perubatan diterima;
 - (iii) salinan notis awal hendaklah diserahkan kepada Ketua Jabatan, Ketua Unit Kewangan & Perolehan, Ketua Unit Khidmat Komputer, Ketua Unit Pusat Maklumat Sawit, Ketua Unit Latihan & Pengurusan Persidangan dan Ketua Unit Pelaksanaan Korporat & Perundingan. Contoh notis awal kepada bakal pesara adalah seperti di **Lampiran A**;

- (iv) Ketua Unit Sumber Manusia hendaklah memaklumkan kepada anggota akan tanggungjawab terhadap tindakan yang perlu diambil sebelum meninggalkan perkhidmatan termasuk ikatan perjanjian (sekiranya ada) seperti di **Lampiran B**. Walau bagaimanapun, tanggung hutang anggota tidak menghalang kelulusan persaraannya oleh Jabatan Perkhidmatan awam;
- (v) anggota mengemukakan serahan tugas kepada Ketua Jabatan untuk semakan sebelum tarikh akhir berkhidmat seperti tempoh berikut:
 - a. **tiga** bulan bagi **JUSA dan Kumpulan Pengurusan & Profesional**
 - b. **tiga** bulan bagi **Kumpulan Pelaksana Gred 29-40**
 - c. **dua** bulan bagi **Kumpulan Pelaksana Gred 1-28**
- (vi) senarai semak tindakan yang perlu diambil anggota (ditandatangani oleh Ketua Jabatan) berserta dokumen berkaitan diserahkan oleh anggota kepada Ketua Unit Sumber Manusia satu bulan sebelum meninggalkan perkhidmatan.
- (vii) surat penghargaan daripada pihak pengurusan MPOB seperti di **Lampiran C** diserahkan kepada pesara **satu bulan** sebelum tarikh akhir meninggalkan perkhidmatan;
- (viii) kad anggota hendaklah diserahkan oleh anggota kepada Ketua Unit Sumber Manusia **satu hari** sebelum meninggalkan perkhidmatan.
- (vi) Unit Sumber Manusia hendaklah mengemas kini maklumat peletakan jawatan anggota dalam Sistem Pengurusan Sumber Manusia dan Rekod Perkhidmatan anggota.

Carta alir prosedur meninggalkan perkhidmatan atas sebab persaraan adalah seperti di **Lampiran D**.

Dasar Peletakan Jawatan

8. Dasar peletakan jawatan adalah seperti berikut:

- (i) peletakan jawatan hendaklah dibuat oleh anggota dengan mengemukakan notis peletakan jawatan kepada Ketua Unit Sumber Manusia melalui Ketua Jabatan sekiranya anggota tidak lagi berhasrat untuk meneruskan perkhidmatan dengan MPOB.
- (ii) bagi anggota yang **bertaraf tetap** yang **telah disahkan jawatan**, tempoh notis peletakan jawatan adalah **tiga bulan** sebelum peletakan jawatan berkuat kuasa. Manakala bagi anggota pelantikan **tetap** yang **belum disahkan jawatan**, anggota bertaraf **sementara** dan anggota bertaraf **kontrak**, tempoh pengemukakan notis peletakan jawatan adalah **mengikut syarat pelantikan** anggota itu, atau **satu bulan** sekiranya tempoh tidak diperuntukkan dalam syarat pelantikan;
- (iii) bagi maksud tempoh notis peletakan jawatan, cuti tanpa gaji oleh anggota bertaraf tetap boleh diambil kira sebagai tempoh notis;
- (iv) sekiranya peletakan jawatan tidak memenuhi tempoh notis yang ditetapkan, anggota hendaklah membayar **sebulan emolomen** sebagai ganti notis;

- (v) bayaran sebulan emolumen sebagai ganti notis hendaklah dibuat oleh anggota **sebelum** peletakan jawatannya berkuat kuasa. Ketua Unit Sumber Manusia adalah bertanggungjawab menuntut bayaran sebulan emolumen daripada anggota;
- (vi) peletakan jawatan berkuat kuasa pada hari berikutnya selepas tamat tempoh notis yang diberikan atau pada tarikh yang ditetapkan oleh anggota;
- (vii) Peletakan jawatan memerlukan kelulusan oleh kuasa melulus seperti berikut:

Bil	Kategori	Kuasa Melulus Peletakan Jawatan
1.	JUSA	Ketua Pengarah
2.	Pengurusan dan Profesional	Ketua Pengarah
3.	Pelaksana	Pengarah Kewangan & Pengurusan

- (viii) Ketua Pengarah atau Pengarah Kewangan & Pengurusan boleh menimbang permohonan anggota untuk memendekkan tempoh notis peletakan jawatan atas sebab berikut;
 - a. anggota bertaraf kontrak dilantik ke mana-mana jawatan dalam perkhidmatan awam Persekutuan/Negeri, pihak berkuasa berkanun (Persekutuan dan Negeri) atau pihak berkuasa tempatan;
 - b. anggota ditawarkan pelantikan ke mana-mana jawatan dalam syarikat yang Kerajaan mempunyai kepentingan;
 - c. anggota atau pasangannya, anak atau ibu bapa anggota itu mengalami masalah kesihatan;
 - d. anggota dikehendaki menghadiri kursus atau latihan yang ditawarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan; atau
 - e. apa-apa sebab lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah atau Pengarah Kewangan dan Pengurusan.
- (ix) peletakan jawatan yang telah berkuat kuasa **tidak boleh ditarik balik**.

Prosedur Peletakan Jawatan

- 9. Prosedur peletakan jawatan adalah seperti berikut:
 - (i) anggota hendaklah mengemukakan notis peletakan jawatan **sekurang-kurangnya tiga bulan** (bagi anggota **bertaraf tetap yang telah disahkan dalam jawatan**) secara rasmi bertulis kepada Ketua Unit Sumber Manusia melalui Ketua Jabatan. Bagi anggota **bertaraf tetap yang belum disahkan dalam jawatan**, anggota bertaraf **sementara** dan anggota bertaraf **kontrak**, tempoh pengemukaan notis peletakan jawatan adalah **mengikut syarat pelantikan** anggota itu, atau sekurang-kurangnya satu bulan sekiranya tempoh tidak diperuntukkan dalam syarat pelantikan. Notis peletakan jawatan hendaklah seperti di **Lampiran E**;

- (ii) Ketua Unit Sumber Manusia hendaklah menyemak sama ada tempoh notis peletakan jawatan anggota menepati tempoh notis yang ditetapkan. Tempoh notis bermula dari tarikh yang dinyatakan dalam notis yang dikemukakan kepada Ketua Unit Sumber Manusia sehingga tarikh kuat kuasa peletakan jawatan. Sekiranya notis peletakan jawatan tidak menepati tempoh tersebut, Ketua Unit Sumber Manusia hendaklah menuntut bayaran **sebulan emolumen** sebagai ganti notis kecuali bagi anggota yang diluluskan pemendekan tempoh notis;
- (iii) Ketua Unit Sumber Manusia hendaklah mengeluarkan surat kelulusan notis peletakan jawatan kepada anggota sebaik sahaja keputusan kuasa melulus diperolehi berserta arahan nota serahan tugas dalam tempoh tiga hari kelulusan diterima. Surat kelulusan notis tersebut hendaklah disalinkan kepada Ketua Jabatan, Ketua Unit Kewangan & Perolehan, Ketua Unit Khidmat Komputer, Ketua Unit Pusat Maklumat Sawit dan Ketua Unit Latihan & Pengurusan Persidangan (sekiranya anggota mempunyai ikatan perjanjian). Contoh surat kelulusan notis peletakan jawatan adalah seperti di **Lampiran F**;
- (iv) Ketua Unit Sumber Manusia hendaklah memaklumkan kepada anggota akan tanggungjawab terhadap tindakan yang perlu diambil sebelum meninggalkan perkhidmatan seperti di **Lampiran B** termasuk ikatan perjanjiannya dengan pihak MPOB sekiranya ada. Walau bagaimanapun, tanggungan hutang dan ikatan perjanjian tersebut tidak menghalang daripada peletakan jawatan yang dibuat oleh anggota itu berkuat kuasa;
- (v) Ketua Unit Sumber Manusia hendaklah memaklumkan anggota supaya tidak hadir bertugas mulai tarikh kuat kuasa peletakan jawatannya. Sekiranya anggota terus berkhidmat selepas tarikh tersebut, anggota **tidak layak dibayar** sebarang emolumen;
- (vi) anggota yang telah disahkan di dalam jawatan dikehendaki mengemukakan serahan tugas kepada Ketua Jabatan untuk semakan sebelum tarikh akhir berkhidmat seperti tempoh berikut:
 - a. **tiga bulan bagi JUSA dan Kumpulan Pengurusan & Profesional**
 - b. **dua bulan bagi Kumpulan Pelaksana Gred 29 - 40**
 - c. **satu bulan bagi Kumpulan Pelaksana Gred 1- 28**
- (vii) anggota yang belum disahkan di dalam jawatan, sementara dan kontrak dikehendaki mengemukakan serahan tugas kepada Ketua Jabatan untuk semakan sebelum tarikh akhir berkhidmat seperti tempoh berikut:
 - a. **satu bulan bagi JUSA dan Kumpulan Pengurusan & Profesional**
 - b. **dua minggu bagi Kumpulan Pelaksana Gred 29 - 40**
 - c. **dua minggu bagi Kumpulan Pelaksana Gred 1- 28**
- (viii) senarai semak tindakan yang perlu diambil anggota (ditandatangani Ketua Unit dan Pengarah Bahagian) berserta dokumen berkaitan diserahkan oleh anggota kepada Ketua Unit Sumber Manusia **dua minggu** sebelum meninggalkan perkhidmatan.
- (ix) kad anggota hendaklah diserahkan oleh anggota kepada Ketua Unit Sumber Manusia satu hari sebelum meninggalkan perkhidmatan.

- (x) Unit Sumber Manusia hendaklah mengemas kini maklumat peletakan jawatan anggota dalam Sistem Pengurusan Sumber Manusia dan Rekod Perkhidmatan anggota.

Pemendekan Notis Peletakan Jawatan

10. Bagi anggota yang layak memohon pemendekan notis seperti yang ditetapkan di perenggan 8 (ii), permohonan pemendekan notis peletakan jawatan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Unit Sumber Manusia seperti di **Lampiran G**.
11. Ketua Unit Sumber Manusia hendaklah memaklumkan keputusan permohonan pemendekan tempoh notis peletakan jawatan kepada anggota setelah mengambil kira sebab-sebab peletakan jawatan seperti di perenggan 8 (viii). Contoh surat pemakluman keputusan pemendekan notis peletakan jawatan adalah seperti di **Lampiran H**.
12. Ketua Unit Sumber Manusia hendaklah memaklumkan kepada anggota akan tanggungjawab terhadap tindakan yang perlu diambil sebelum meninggalkan perkhidmatan seperti di **Lampiran B** termasuk ikatan perjanjiannya dengan pihak MPOB sekiranya ada. Walau bagaimanapun, tanggungan hutang dan ikatan perjanjian tersebut tidak menghalang daripada peletakan jawatan yang dibuat oleh anggota itu berkuat kuasa;
13. Ketua Unit Sumber Manusia hendaklah memaklumkan anggota supaya tidak hadir bertugas mulai tarikh kuat kuasa peletakan jawatannya. Sekiranya anggota terus berkhidmat selepas tarikh tersebut, anggota **tidak layak dibayar** sebarang emolumen;
14. Anggota dikehendaki mengemukakan serahan tugas kepada Ketua Jabatan untuk semakan sebelum tarikh akhir berkhidmat. **Tempoh serahan tugas tertakluk** kepada **keputusan pihak kuasa melulus** seperti berikut:

Bil	Kategori	Kuasa Melulus Peletakan Jawatan
1.	JUSA	Ketua Pengarah
2.	Pengurusan dan Profesional	Ketua Pengarah
3.	Pelaksana	Pengarah Kewangan & Pengurusan

15. Senarai semak tindakan yang perlu diambil anggota (ditandatangani Ketua Unit dan Pengarah Bahagian) berserta dokumen berkaitan diserahkan oleh anggota kepada Ketua Unit Sumber Manusia **sekurang-kurangnya dua minggu** sebelum meninggalkan perkhidmatan.
16. Kad anggota hendaklah diserahkan oleh anggota kepada Ketua Unit Sumber Manusia satu hari sebelum meninggalkan perkhidmatan.
17. Ketua Unit Sumber Manusia hendaklah merekodkan keputusan permohonan pemendekan tempoh notis peletakan jawatan dalam Rekod Perkhidmatan anggota.
18. Anggota yang meletak jawatan tetapi tidak memenuhi syarat tempoh notis yang ditetapkan dan tidak diluluskan pemendekan notis hendaklah membayar sebulan emolumen sebagai ganti notis kepada Ketua Unit Sumber Manusia.

19. Tertakluk kepada perenggan 18, Ketua Unit Sumber Manusia perlu mengambil tindakan menuntut bayaran sebulan emolumen berdasarkan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.
20. Peletakan jawatan boleh ditarik balik oleh anggota sebelum tarikh berkuat kuasa peletakan jawatan dengan mengemukakan permohonan rasmi secara bertulis kepada pihak kuasa melulus melalui Ketua Jabatan dan disalinkan kepada Ketua Unit Sumber Manusia.

Carta alir prosedur peletakan jawatan adalah seperti di **Lampiran I**.

Dasar Penamatan Perkhidmatan Kontrak

21. Dasar penamatan perkhidmatan kontrak adalah seperti berikut:
 - (i) Pihak pengurusan atas sebab tertentu boleh menamatkan perkhidmatan seseorang anggota bertaraf kontrak sebelum tempoh perkhidmatan berakhir dengan memberi **sebulan** notis.
 - (ii) Keputusan penamatan tersebut hendaklah dimaklumkan secara rasmi (bertulis) kepada anggota berkenaan.

Prosedur Penamatan Perkhidmatan Kontrak

22. Prosedur penamatan perkhidmatan kontrak adalah seperti berikut:
 - (i) Ketua Unit Sumber Manusia hendaklah mengeluarkan surat penamatan perkhidmatan dengan **satu bulan** notis atau **apa-apa tempoh yang ditetapkan** kepada anggota selaras dengan keputusan pihak pengurusan dan salinan surat kepada Ketua Jabatan, Ketua Unit Kewangan & Perolehan, Ketua Unit Khidmat Komputer, Ketua Unit Pusat Maklumat Sawit, Ketua Unit Latihan & Pengurusan Persidangan dan Ketua Unit Pelaksanaan Korporat & Perundingan . Contoh surat notis penamatan perkhidmatan adalah seperti di **Lampiran J**;
 - (ii) Ketua Unit Sumber Manusia hendaklah memaklumkan kepada anggota akan tanggungjawab terhadap tindakan yang perlu diambil sebelum meninggalkan perkhidmatan seperti di **Lampiran B**;
 - (iii) anggota dikehendaki mengemukakan serahan tugas kepada Ketua Jabatan untuk semakan, **2 minggu** sebelum tarikh akhir perkhidmatan.
 - (iv) senarai semak tindakan yang perlu diambil anggota (ditandatangani Ketua Jabatan) berserta dokumen berkaitan diserahkan oleh anggota kepada Ketua Unit Sumber Manusia **1 minggu** sebelum meninggalkan perkhidmatan.
 - (v) kad anggota hendaklah diserahkan oleh anggota kepada Ketua Unit Sumber Manusia satu hari sebelum meninggalkan perkhidmatan.

- (vi) Unit Sumber Manusia hendaklah mengemas kini maklumat peletakan jawatan anggota dalam Sistem Pengurusan Sumber Manusia dan Rekod Perkhidmatan anggota.

Carta alir prosedur peletakan jawatan adalah seperti di **Lampiran K**.

Dasar Pelepasan Jawatan

23. Dasar pelepasan jawatan adalah seperti berikut:

- (i) permohonan pelepasan jawatan hendaklah dibuat oleh anggota (berjawatan tetap/ sementara) secara rasmi iaitu bertulis dan ditandatangani olehnya kepada Ketua Unit Sumber Manusia melalui Ketua Jabatan apabila anggota ditawarkan jawatan bertaraf tetap atau sementara oleh Perkhidmatan Awam Persekutuan/Negeri, pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) atau pihak Berkuasa Tempatan.
- (ii) bagi anggota yang **bertaraf tetap** yang telah disahkan jawatan, tempoh notis pelepasan jawatan adalah **tiga bulan** sebelum tarikh pelepasan berkuatkuasa. Manakala bagi anggota **bertaraf tetap yang belum disahkan jawatan** dan anggota bertaraf **sementara**, tempoh pengemukaan notis pelepasan jawatan adalah **mengikut syarat pelantikan** anggota itu, atau **satu bulan** sekiranya tidak diperuntukkan dalam syarat pelantikan.
- (iii) pelepasan jawatan hendaklah diluluskan mengikut kuasa melulus yang berikut:

Bil	Kategori	Kuasa Melulus Pelepasan Jawatan
1.	JUSA	Ketua Pengarah
2.	Pengurusan dan Profesional	Ketua Pengarah
3.	Pelaksana	Pengarah Kewangan & Pengurusan

- (iv) **tarikh kuat kuasa pelepasan jawatan adalah mulai tarikh pelantikan anggota di jawatan baru.** Anggota dianggap belum dilantik sekiranya anggota telah menangguhkan tarikh mula bertugas di jawatan baru dengan kebenaran Ketua Jabatan baru dan urusan perkhidmatannya masih tertakluk kepada perkhidmatan asal;
- (v) pelepasan jawatan yang telah berkuat kuasa **tidak boleh** ditarik balik.

Prosedur Pelepasan Jawatan

24. Prosedur pelepasan jawatan adalah seperti berikut:

- (i) anggota hendaklah mengemukakan permohonan surat pelepasan jawatan secara rasmi (bertulis) melalui Ketua Jabatan kepada Ketua Unit Sumber Manusia dengan disertakan surat tawaran pelantikan dalam tempoh sekurang-kurangnya **tiga bulan** sebelum tarikh kuat kuasa melapor diri di jabatan baru bagi anggota **bertaraf tetap** yang telah disahkan dalam jawatan. Manakala bagi anggota **bertaraf tetap yang belum disahkan jawatan** dan anggota bertaraf **sementara**, tempoh pengemukakan notis pelepasan jawatan adalah **mengikut syarat pelantikan** anggota itu, atau **satu bulan** sekiranya tidak diperuntukkan dalam syarat pelantikan.
- (ii) Pemakluman tersebut bertujuan untuk memastikan prosedur anggota meninggalkan perkhidmatan dan urusan perkhidmatannya adalah teratur. Surat pelepasan jawatan hendaklah seperti di **Lampiran L**;
- (iii) Ketua Unit Sumber Manusia hendaklah menyemak sama ada tempoh notis pelepasan jawatan anggota menepati tempoh notis yang ditetapkan. Tempoh notis bermula dari tarikh yang dinyatakan dalam notis yang dikemukakan kepada Ketua Unit Sumber Manusia sehingga tarikh kuat kuasa peletakan jawatan. Sekiranya notis pelepasan jawatan tidak menepati tempoh tersebut, Ketua Unit Sumber Manusia hendaklah menuntut bayaran **sebulan emolomen** sebagai ganti notis kecuali bagi anggota yang diluluskan pemendekan tempoh notis;
- (iv) Ketua Unit Sumber Manusia hendaklah mengeluarkan surat pelepasan jawatan kepada anggota setelah kelulusan diberikan oleh Kuasa Melulus Pelepasan Jawatan seperti di **Lampiran M** dan salinan surat kepada Ketua Jabatan, Ketua Unit Kewangan & Perolehan, Ketua Unit Khidmat Komputer, Ketua Unit Pusat Maklumat Sawit, Ketua Unit Latihan & Pengurusan Persidangan dan Ketua Unit Pelaksanaan Korporat & Perundingan;
- (v) Ketua Unit Sumber Manusia hendaklah memaklumkan kepada anggota akan tanggungjawab terhadap tindakan yang perlu diambil sebelum meninggalkan perkhidmatan seperti di **Lampiran B** termasuk ikatan perjanjiannya dengan pihak MPOB sekiranya ada. Walau bagaimanapun, tanggungan hutang dan ikatan perjanjian tersebut tidak menghalang pelepasan jawatan yang telah diluluskan itu berkuat kuasa;
- (vi) anggota bertaraf tetap/sementara dikehendaki mengemukakan serahan tugas kepada Ketua Jabatan untuk semakan sebelum tarikh akhir berkhidmat seperti tempoh berikut:
 - a. **tiga bulan** bagi **JUSA dan Kumpulan Pengurusan & Profesional**.
 - b. **dua bulan** bagi **Kumpulan Pelaksana Gred 29 – 40**.
 - c. **satu bulan** bagi **Kumpulan Pelaksana Gred 1- 28**.
- (vii) senarai semak tindakan yang perlu diambil anggota (ditandatangani Ketua Jabatan) berserta dokumen berkaitan diserahkan oleh anggota kepada Ketua Unit Sumber Manusia **dua minggu** sebelum meninggalkan perkhidmatan.

- (viii) kad anggota hendaklah diserahkan oleh anggota kepada Ketua Unit Sumber Manusia satu hari sebelum meninggalkan perkhidmatan.
- (vi) Unit Sumber Manusia hendaklah mengemas kini maklumat pelepasan jawatan anggota dalam Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia dan Rekod Perkhidmatan anggota;
- (vii) anggota perlu membawa bersama surat pelepasan jawatan yang disediakan oleh Unit Sumber Manusia seperti **Lampiran N** berserta kenyataan perkhidmatan anggota semasa melapor diri bertugas;
- (viii) pelepasan jawatan anggota yang telah berkuat kuasa **tidak boleh ditarik balik**. Walau bagaimanapun, pelepasan jawatan yang **belum berkuat kuasa** boleh ditarik balik dengan syarat anggota mengemukakan notis secara bertulis kepada kuasa melulus melalui Ketua Jabatan dan salinan kepada Ketua Unit Sumber Manusia sebelum tarikh kuat kuasa pelepasan jawatan.

Pemendekan Notis Pelepasan Jawatan

25. Bagi anggota yang layak memohon pemendekan notis seperti yang ditetapkan di perenggan 18 (ii), permohonan pemendekan notis pelepasan jawatan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Unit Sumber Manusia seperti di **Lampiran O**.
26. Ketua Unit Sumber Manusia hendaklah memaklumkan keputusan permohonan pemendekan tempoh notis pelepasan jawatan kepada anggota setelah keputusan pihak pengurusan diperolehi. Contoh surat pemakluman keputusan pemendekan notis peletakan jawatan adalah seperti di **Lampiran P**.
27. Ketua Unit Sumber Manusia hendaklah memaklumkan kepada anggota akan tanggungjawab terhadap tindakan yang perlu diambil sebelum meninggalkan perkhidmatan seperti di **Lampiran B** termasuk ikatan perjanjiannya dengan pihak MPOB sekiranya ada. Walau bagaimanapun, tanggungan hutang dan ikatan perjanjian tersebut tidak menghalang daripada peletakan jawatan yang dibuat oleh anggota itu berkuat kuasa;
28. Ketua Unit Sumber Manusia hendaklah memaklumkan anggota supaya tidak hadir bertugas mulai tarikh kuat kuasa peletakan jawatannya. Sekiranya anggota terus berkhidmat selepas tarikh tersebut, anggota **tidak layak dibayar** sebarang emolumen;
29. Anggota dikehendaki mengemukakan serahan tugas kepada Ketua Jabatan untuk semakan sebelum tarikh akhir berkhidmat. **Tempoh serahan tugas tertakluk** kepada **keputusan pihak kuasa melulus** seperti berikut:

Bil	Kategori	Kuasa Melulus Peletakan Jawatan
1.	JUSA	Ketua Pengarah
2.	Pengurusan dan Profesional	Ketua Pengarah
3.	Pelaksana	Pengarah Kewangan & Pengurusan

30. Senarai semak tindakan yang perlu diambil anggota (ditandatangani Ketua Unit dan Pengarah Bahagian) berserta dokumen berkaitan diserahkan oleh anggota kepada Ketua Unit Sumber Manusia **sekurang-kurangnya satu minggu** sebelum meninggalkan perkhidmatan.

31. Kad anggota hendaklah diserahkan oleh anggota kepada Ketua Unit Sumber Manusia satu hari sebelum meninggalkan perkhidmatan.
32. Ketua Unit Sumber Manusia hendaklah merekodkan keputusan permohonan pemendekan tempoh notis pelepasan jawatan dalam Rekod Perkhidmatan anggota.
33. Anggota yang memohon pelepasan jawatan tetapi tidak memenuhi syarat tempoh notis yang ditetapkan dan tidak diluluskan pemendekan notis hendaklah membayar sebulan emolumen sebagai ganti notis kepada Ketua Unit Sumber Manusia.
34. Tertakluk kepada perenggan 33, Ketua Unit Sumber Manusia perlu mengambil tindakan menuntut bayaran sebulan emolumen berdasarkan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.
35. Pelepasan jawatan boleh ditarik balik oleh anggota sebelum tarikh berkuat kuasa pelepasan jawatan dengan mengemukakan permohonan rasmi secara bertulis kepada kuasa melulus melalui Ketua Jabatan dan disalinkan kepada Ketua Unit Sumber Manusia. Carta alir prosedur pelepasan jawatan adalah seperti di **Lampiran Q**.

KEGAGALAN MENYERAHKAN SENARAI SEMAK YANG LENGKAP SEBELUM MENINGGALKAN PERKHIDMATAN DENGAN MPOB

36. Anggota yang didapati gagal mengembalikan senarai semak yang lengkap kepada Ketua Unit Sumber Manusia sebelum meninggalkan perkhidmatan dengan MPOB, pihak Pengurusan berhak menahan:
 - (i) insentif satu bulan emolumen untuk pesara yang layak
 - (ii) bayaran emolumen akhir, ganjaran perkhidmatan bagi anggota bertaraf kontrak dan bayaran-bayaran lain

KEKECUALIAN DAN PERALIHAN

37. Sebarang pengecualian daripada mana-mana peruntukan dalam dasar dan prosedur ini setakat mana ia tidak bertentangan dengan undang-undang serta peraturan yang berkuat kuasa hendaklah mendapatkan pertimbangan dan kelulusan Ketua Pengarah MPOB.

TARIKH KUAT KUASA

Dasar dan prosedur ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.


(DATUK DR. AHMAD PARVEEZ BIN HJ GHULAM KADIR)

Ketua Pengarah MPOB

Tarikh

29/7/22

Tarikh

...(Nama anggota).....

...(alamat).....

.....

YBrs./Tuan/Puan,

NOTIS AWAL PERSARAAN

Dengan hormatnya perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2 Berdasarkan rekod, YBrs./tuan/puan akan meninggalkan perkhidmatan di MPOB pada

Sehubungan itu, bagi memastikan urusan persaraan YBrs./tuan/puan berjalan lancar, kerjasama YBrs./tuan/puan diminta menyelesaikan urusan-urusan berikut (disertakan senarai semak):

- i. Membuat serahan tugas (format dilampirkan) sekurang-kurangnya:
 - a. **tiga bulan** bagi JUSA dan Kumpulan Pengurusan & Profesional
 - b. **tiga bulan** bagi Kumpulan Pelaksana, Gred 29 - 40
 - c. **dua bulan** bagi Kumpulan Pelaksana Gred 1- 28sebelum meninggalkan perkhidmatan kepada Ketua Jabatan (penyerahan awal bagi membolehkan semakan dibuat dan maklum balas diberi kepada YBrs./tuan/puan;
- ii. Menyelesaikan segala hutang-piutang (jika masih ada) dengan Unit Kewangan & Perolehan, Ibu Pejabat MPOB;
- iii. Mengembalikan aset MPOB (jika ada) kepada pegawai penjaga aset di Unit/Pejabat/Bahagian masing-masing sebelum meninggalkan perkhidmatan (bukti penyerahan aset hendaklah disimpan dan salinan diserahkan kepada Ketua Unit Sumber Manusia;
- iv. Mengembalikan kad anggota kepada Ketua Unit Sumber Manusia **sehari** sebelum tarikh persaraan;
- v. Mengembalikan bahan pinjaman Koleksi Bahan Perpustakaan Sumber (jika ada) kepada Kaunter Perpustakaan Sumber, Unit Pusat Maklumat Sawit, Ibu Pejabat MPOB sebelum meninggalkan perkhidmatan;
- vi. Menyenaraikan semua langganan jurnal dan seumpamanya yang yurannya dibayar oleh MPOB (jika ada);
- vii. Menyerahkan rekod, fail, dokumen-dokumen rasmi hak milik MPOB, *Research Notes Book*, *Comprehensive Research Achievement Report* (CRAR), paten, viva dan formulasi kepada Ketua Jabatan (jika ada); dan

viii. Menandatangani Borang Perakuan Apabila Meninggalkan Perkhidmatan MPOB dan kembalikan semula kepada Ketua Unit Sumber Manusia sehari sebelum meninggalkan perkhidmatan.

3. Anggota yang didapati gagal mengembalikan senarai semak yang lengkap kepada Ketua Unit Sumber Manusia sebelum meninggalkan perkhidmatan dengan MPOB, pihak Pengurusan berhak menahan:

i. insentif satu bulan emolumen untuk pesara yang layak

ii. bayaran emolumen akhir dan bayaran-bayaran lain.

4. Bersama ini disertakan senarai semak sebelum meninggalkan perkhidmatan dengan MPOB.

Sekian, untuk tindakan YBrs./tuan/puan.

Terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

()

Ketua Unit Sumber Manusia

b.p Ketua Pengarah

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

s.k: i. Pengarah Bahagian

ii. Ketua Unit/Ketua Pejabat

iii. Ketua Unit Kewangan & Perolehan

iv. Ketua Pusat Maklumat Sawit

v. Ketua Unit Latihan & Pengurusan Persidangan

vi. Ketua Unit Pelaksanaan Korporat & Perundingan



SENARAI SEMAK SEBELUM MENINGGALKAN PERKHIDMATAN DI MPOB

Tandakan ✓ bagi tindakan yang telah dilaksanakan.

Bil	Perkara	Semakan Anggota	Semakan KU CICU/ Ketua Unit/ Ketua Pejabat	Semakan Pengarah Bahagian
1	Menyerahkan nota serahan tugas kepada Ketua Unit dan Pengarah Bahagian.			
2.	Menyelesaikan segala hutang-piutang (jika masih ada) dengan Unit Kewangan & Perolehan, Ibu Pejabat MPOB			
3.	Mengembalikan aset MPOB yang dibekalkan sepanjang tempoh berkhidmat seperti komputer riba.			
4.	Mengembalikan kad anggota kepada Ketua Unit Sumber Manusia pada tarikh akhir perkhidmatan.			
5.	Mengembalikan bahan pinjaman Koleksi Bahan Perpustakaan Sumber (jika ada) kepada Kaunter Perpustakaan Sumber, Unit Pusat Maklumat Sawit, Ibu Pejabat MPOB.			
6.	Menyenaraikan semua langganan jurnal dan seumpamanya yang yurannya dibayar oleh MPOB (jika ada).			
7.	Menyerahkan rekod, fail, dokumen-dokumen rasmi hak milik MPOB, <i>Research Notes Book</i> , <i>Comprehensive Research Achievement Report</i> (CRAR), paten*, viva* dan formulasi* kepada Ketua Jabatan (jika ada). Dokumen yang bertanda * hendaklah disahkan oleh Ketua Unit Pelaksanaan Korporat dan Perundingan.			
8.	Menyerahkan senarai keanggotaan Jawatankuasa dan status tugas yang berkaitan			
9	Menandatangani Borang Perakuan Apabila Meninggalkan Perkhidmatan MPOB dan kembalikan semula kepada Ketua Unit Sumber Manusia.			

Saya mengaku telah melaksanakan tindakan seperti di atas dan bertanggungjawab menguruskan segala tanggungan hutang dengan MPOB. Saya juga membenarkan tuntutan hutang dilaksanakan meskipun saya telah meninggalkan perkhidmatan di MPOB.

Tandatangan Anggota :

Nama :

Tarikh :

No. Kad Pengenalan :

Pengesahan Ketua Unit/Ketua Pejabat

Tandatangan dan cap rasmi :

Tarikh :

Pengesahan Pengarah Bahagian

Tandatangan dan cap rasmi :

Tarikh :

MAKLUMAT UNTUK DISIMPAN SEBAGAI REKOD.

Nama Anggota:
Alamat Rumah :
E-mel (selain MPOB) :
No. Tel. Bimbit :
No. Akaun Bank (pohon sertakan salinan lampiran akaun bank):

1. Nama Waris :
Hubungan :
Alamat Rumah :
E-mel:
No. Tel. Bimbit :

2. Nama Waris :
Hubungan :
Alamat Rumah :
E-mel:
No. Tel. Bimbit :

Anggota hendaklah mengemukakan Lampiran B dan Jadual 1 kepada Ketua Unit dan Pengarah Bahagian sebelum tarikh akhir berkhidmat dalam tempoh berikut: -

i. Urusan Persaraan:

- Gred 41 - Jusa, 3 bulan
- Gred 29 - 40, 3 bulan
- Gred 1- 28, 2 bulan

ii. Urusan Perletakan Jawatan

Anggota Bertaraf Tetap/Sementara:

- Gred 41 - Jusa, 3 bulan
- Gred 29 - 40, 2 bulan
- Gred 1- 28, 1 bulan

Anggota Bertaraf Kontrak:

- Gred 41 - Jusa, 2 minggu
- Gred 29 - 40, 2 minggu
- Gred 1- 28, 2 minggu

iii. Urusan Penamatan Perkhidmatan

Anggota Bertaraf Kontrak:

- Gred 41 - Jusa, 2 minggu
- Gred 29 - 40, 2 minggu
- Gred 1- 28, 2 minggu

iv. Urusan Perlepasan Jawatan:

Anggota Bertaraf Tetap/Sementara:

- Gred 41 - Jusa, 3 bulan
- Gred 29 - 40, 2 bulan
- Gred 1- 28, 1 bulan

FORMAT NOTA SERAHAN TUGAS

1. Maklumat senarai tugas dengan menyertakan *Job Discription* (JD), fail meja dan prosedur operasi standard (SOP) melaksanakan tugas.
2. Status tugas semasa dan projek dilaksanakan ,jika ada (rujuk Jadual 1). *Research Note Book* CRAR, paten, viva dan formulasi wajib diserahkan bagi Pegawai Penyelidik.
3. Senarai aset/peralatan pejabat milik MPOB yang ada dalam simpanan.
4. Senarai jurnal dilanggan yang menggunakan kemudahan MPOB (jika ada).
5. Menyerahkan senarai keanggotaan di dalam Jawatankuasa yang berkaitan tugas rasmi berserta dokumen dan status tugasan yang berkaitan (rujuk Jadual 2)
6. Dokumen-dokumen lain yang penting (jika ada).

JADUAL STATUS TUGAS/PROJEK

TUGASAN/ PROJEK YANG BELUM SELESAI	STATUS TUGAS/ PROJEK SEBELUM MENINGGALKAN PERKHIDMATAN	TINDAKAN SUSULAN YANG PERLU DILAKUKAN	NAMA PEGAWAI PENGGANTI* (sila dapatkan tandatangan pengganti)	TEMPAT PENYIMPANAN FAIL/REKOD	CATATAN

Nota: *Pegawai pengganti perlu menandatangani sebagai akuan terimaan tugas.

Pengesahan Ketua Unit/Ketua Pejabat

Pengesahan Pengarah Bahagian

Tandatangan :

Tandatangan :

Nama :

Nama :

Cap rasmi :

Cap rasmi :

Tarikh :

Tarikh :

Senarai Keanggotaan Dalam Jawatankuasa

NAMA JAWATANKUASA	KEAHLIAN (CONTOH SETIAUSAHA /BENDAHARI/AJK)	TINDAKAN SUSULAN YANG PERLU DILAKUKAN	NAMA PEGAWAI PENGGANTI* (sila dapatkan tandatangan pengganti)	TEMPAT PENYIMPANAN FAIL/REKOD	CATATAN

Nota: *Pegawai pengganti perlu menandatangani sebagai akuan terimaan tugas.

Pengesahan Ketua Unit/Ketua Pejabat

Tandatangan :

Nama :

Cap rasmi :

Tarikh :

Pengesahan Pengarah Bahagian

Tandatangan :

Nama :

Cap rasmi :

Tarikh :



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

PERAKUAN APABILA MENINGGALKAN PERKHIDMATAN MPOB

